


MUSTAFA KAMIL AYUB

# Idealisme Politik Membangun

# Malaysia Madani

Visi, Cabaran dan Pelan Strategik



05



IIUM  
Press



**MUSTAFFA KAMIL  
AYUB** lahir di Pasir  
Salak, Perak 1963.  
Pendidikan awal di  
SKKG, Perak dan  
SMSAH, Jitra,  
Kedah. Kelulusan  
Sarjana Muda  
Genetik UKM,

Diploma Kewangan Islam IPI,  
Diploma Pendidikan (Matematik &  
English) UIA dan Ijazah Sarjana Sains  
Politik UKM dan merupakan pelajar  
PhD Sains Politik di UKM.

Beliau adalah mantan Penasihat Biro  
Usahawan Pemuda UMNO Malaysia,  
Timbalan Ketua Pemuda KEADILAN  
Pusat, Pemangku Ketua Pemuda  
KEADILAN Pusat, Setiausaha Agung  
KEADILAN, Naib Presiden KEADILAN  
dan Ahli Biro Politik Pusat KEADILAN.

Pernah bertugas sebagai Guru YAA,  
Ketua Jabatan Latihan  
Kepemimpinan UIA, Setiausaha  
Politik Menteri KBS dan Pengarah  
Kumpulan Perangsang Selangor.

Beliau banyak terlibat dalam  
memimpin NGO dan institusi  
nasional, serantau dan antarabangsa  
seperti PMUKM, PKPIM, ABIM, MBM,  
IMAD, MAP, Kongres Rakyat, RAPAT,  
GRM, Koperasi K3M, PEPIAT, CAYC,  
IIFSO dan WAMY. Juga menulis  
puluhan buah buku, artikel serta  
sebagai panel dan moderator TV.

Beliau juga banyak memberikan  
ceramah, mengendalikan latihan  
keimpinan dan membenteng kertas  
kerja di Malaysia, Indonesia, Brunei,  
Singapura, Thailand, Vietnam, Jepun,  
Mongolia, Maldives, United Kingdom,  
Belanda, Amerika Syarikat, serta  
Trinidad dan Tobago.

17/9/2025  
Lib  
RM 45.00

MUSTAFA KAMIL AYUB

**Idealisme Politik  
Membangun  
Malaysia  
Madani**  
Visi, Cabaran dan Pelan Strategik



MUSTAFA KAMIL AYUB

# Idealisme Politik Membangun Malaysia Madani

Visi, Cabaran dan Pelan Strategik

*Kata Pengantar oleh*  
Anwar Ibrahim

PUSTAKA PERDANA



1013929



IIUM  
Press

Gombak • 2024



Cetakan Pertama, 2023  
Ulang Cetak, 2024  
© IIUM Press, IIUM

IIUM Press ialah ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia – MAPIM  
(Malaysian Scholarly Publishing Council)  
Persatuan Penerbit Buku Malaysia - MABOPA  
(Malaysia Books Publisher Association)  
No. Ahli - 201905

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia  
ISBN 978-967-491-330-4

*Diterbitkan di Malaysia oleh*  
IIUM Press  
International Islamic University Malaysia  
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

*Dicetak di Malaysia oleh*  
Firdaus Press Sdn. Bhd.  
No. 28, Jalan PBS 14/4,  
Taman Perindustrian Bukit Serdang,  
43300 Seri Kembangan, Selangor

320.9595

# KANDUNGAN

<i>Singkatan</i>	xi
<i>Prakata Penulis</i>	xiii
<i>Kata Pengantar</i>	xix
<b>BAB 1: MUQADDIMAH – KONSEP MALAYSIA MADANI</b>	<b>3</b>
• Cabaran Perubahan	
<b>BAB 2: TINJAUAN AWAL MENGENAI MASYARAKAT MADANI</b>	<b>22</b>
• Pengenalan	22
• Kepentingan Kajian Mengenai Masyarakat Madani	27
• Beberapa Sorotan Mengenai Masyarakat Madani	29
• Konsep, Pendekatan dan Kesignifikanan Kajian Mengenai Masyarakat Madani	35
• Rumusan	38
<b>BAB 3: IDEALISME POLITIK DAN KONSEP MASYARAKAT MADANI</b>	<b>41</b>
• Pengenalan	41
• Pengaruh Agama dan Nilai Dalam Falsafah Ideologi	43
• Gelombang Falsafah Ideologi Dalam Tamadun Manusia	45
• Beberapa Aliran Utama Ideologi Politik Dunia	47
• Susuralur Perkembangan Masyarakat Sivil dan Modelnya	51

• Perkembangan dan Takrifan Masyarakat Madani	53
• Model Masyarakat Madani	58
• Perbandingan Masyarakat Madani dan Masyarakat Sipil	63
• Masyarakat Madani dan Demokrasi Islami	66
• Rumusan	70
<b>BAB 4: MASYARAKAT MADANI DAN PENGALAMAN POLITIK MALAYSIA</b>	<b>80</b>
• Pengenalan	88
• Susuralur Ringkas Parti-parti Politik Di Malaysia	84
• Masyarakat Madani Sebagai Idealisme Politik Malaysia	87
• Realiti Penghayatan Masyarakat Madani Di Malaysia	90
• Masyarakat Madani dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)	94
• Sikap Parti Politik Terhadap Idealisme Masyarakat Madani	104
• Masyarakat Madani dan Beberapa Persoalan Semasa	105
• Rumusan	109
<b>BAB 5: MASYARAKAT MADANI KE ARAH PROSES GLOBALISASI MANUSIAWI</b>	<b>115</b>
• Pengenalan	115
• Konsep Globalisasi dan Implikasinya	116
• Menangani Globalisasi daripada Perspektif Masyarakat Madani	121
• Persiapan Menghadapi Proses Globalisasi	123
• Menangani Terrorism Global dan Keperluan Model Globalisasi Manusiawi	125
• Rumusan	127

<b>BAB 6: MEREALISASIKAN MASYARAKAT MADANI MALAYSIA</b>	<b>134</b>
• Pengenalan	134
• Cabaran Merealisasikan Masyarakat Madani	137
• Langkah-Langkah Menjayakan Pembinaan Masyarakat Madani	140
• Pembinaan Model Malaysia Baharu dan Indeks Masyarakat Madani Malaysia	144
• Rumusan	147
<b>Bab 7: EKONOMI MANUSIAWI LANDASAN PEMBANGUNAN MALAYSIA MADANI</b>	<b>152</b>
• Muqaddimah	152
• Memahami Ekonomi Manusiawi@Madani	153
• Ekonomi Digital sebagai wahana Baharu	155
• Realiti Amalan Ekonomi Semasa	155
• Melakar Persefahaman Baharu dan Harapan Rakyat	156
• Menangani Cabaran Kesan COVID-19: Agenda Ekonomi Mahasiswa	159
• Memperkasa Masyarakat Madani Sebagai Idealisme Perjuangan Ekonomi Manusiawi	161
• Agenda K3M Bersama Rakyat	161
• Halatuju Bersama	162
• Rumusan	162
<b>BAB 8: MASA DEPAN MASYARAKAT MADANI</b>	<b>163</b>
• Kesimpulan Kajian Mengenai Masyarakat Madani	163
• Implikasi Konsep dan Teori Masyarakat Madani	166
• Masa Depan Masyarakat Madani	170

**LAMPIRAN 1-8**

• Dasar Keutamaan Malaysia Madani	174
• Membina Malaysia Bahagia Abad 21	178
• Gerakan Malaysia Madani (GEMA)	179
• Kepimpinan Berhikmah @ Wise Leadership	180
• Perlembagaan Madinah	182
• Pengisytharan Hak-hak Manusia dan Warganegara 26 Ogos 1789	189
• Politik Nilai: Suatu Agenda Nasional	192
• Sajak MADANI	194
<i>Rujukan</i>	196
<i>Indeks</i>	211

## SINGKATAN

ABIM	- Angkatan Belia Islam Malaysia
AKAR	- Parti Angkatan Keadilan Rakyat Sabah
ALIKAN	- Aliran Kesedaran Negara
API	- Angkatan Pemuda Insaf
ASEAN	- Association of South East Asia Nations
AMSEC	- Asean Muslim Youth Secretariat
ARDA	- Alliance For Reform and Democracy in Asia
ATMA	- Akademi Tamadun Melayu
AUKU	- Akta Universiti dan Kolej Universiti
AWAS	- Angkatan Wanita Sedar
AYC	- Asian Youth Council
BA	- Barisan Alternatif
BBK	- Badan Bukan Kerajaan
BN	- Barisan Nasional
CAYC	- Council for Asian Youth Cooperation
CIAM	- Persatuan India Pusat Malaya
DTC	- Dewan Tuanku Canselor
DUN	- Dewan Undangan Negeri
EEC	- European Economic Council
EU	- European Union
FAC	- Free Anwar Campaign
FDI	- Foreign Direct Investment
FOMCA	- Federation of Malaysian Consumer Associations

GATT	- General Agreement on Tariff and Trade
GEGAR	- Gerakan Selamatkan Sekolah Agama Rakyat
GEMA	- Gerakan Masyarakat Madani
GERAK	- Gerakan Keadilan Rakyat
GERAM	- Gerakan Angkatan Muda
GMI	- Gerakan Mansuhkan ISA
IIFSO	- International Islamic Federation of Student Organizations
IMMM	- Indeks Masyarakat Madani Malaysia
ICCPR	- International Covenant on Civil and Political Right
ICESCR	- Internation Covenant on Economic, Social and Cultural Rights
IMF	- International Monetary Fund
IMP	- Independence of Malayan Party
INGO	- International Non-Governmental Organisation
IPTA	- Institut Pengajian Tinggi Awam
ISA	- Internal Security Act
JIM	- Jemaah Islah Malaysia
KeADILan	- Parti Keadilan Nasional
KDN	- Kementerian Dalam Negeri
KMM	- Kumpulan Militan Malaysia
MBM	- Majlis Belia Malaysia
MCA	- Malayan Chinese Association
MDU	- Malayan Democratic Union
MIC	- Malayan Indian Congress
MNC	- Multi-National Corporation
MPBN	- Majlis Perundingan Belia Negara
MPT	- Majlis Pimpinan Tertinggi
MSC	- Multimedia Super Corridor
NAFTA	- North America Free Trade Agreement
NDYL	- New Democratic Youth League
NGO	- Non-Government Organisation

NPO	- Non-Profit Organisation
OIC	- Organization of Islamic Conference
OSA	- Ordinance of Secrecy Act
PAS	- Parti Islam SeMalaysia
PBB	- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBTM	- Persatuan Bekas Tentera Malaysia
PEPIAT	- Persekutuan Pelajar Islam Asia Tenggara
PKPIM	- Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia
PKMM	- Parti Kebangsaan Melayu Malaya
RAFI	- Rural Advancement Foundation International
SAM	- Sahabat Alam Malaysia
SAP	- Structural Adjustment Programme
SAW	- Sallallahu 'Alaihi Wasallam
SOS	- Save our School
SUARAM	- Suara Rakyat Malaysia
SUHAKAM	- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
SWT	- Subhanahu Wa Taala
TRIMs	- Trade Related Investment Measures
TRIPs	- Trade Related Intellectual Properties
UDHR	- Universal Declaration of Human Right
UKM	- Universiti Kebangsaan Malaysia



# PRAKATA PENULIS

i



Pada tanggal 2 Oktober 2022, Dato Seri Anwar Ibrahim (DSAI) meluncur dan mengadakan dialog SCRIPT “For A Better Malaysia” di Hotel Dorset Subang. Manakala versi Bahasa Melayunya, Membangun Negara Madani (MNM) diluncurkan pada 3 November 2022 di Hotel Tamu KL. Ia kelolaan IDE dan The Centre for Postnormal Policy & Futures Studies.

DSAI telah melakarkan dan membahaskan dengan cukup menarik dokumen SCRIPT (*Sustainability, Care and Compassion, Respect, Innovation, Prosperity, Trust*) dari segi visi, naratif, kerangka dan polisinya. Dokumen setebal 178 muka surat ini sewajarnya dihayati dan disebarluaskan.

Dapat dikatakan SCRIPT-MNM adalah kesinambungan idea Masyarakat Madani yang pertama kalinya dipopular oleh DSAI di Festival Istiqlal Jakarta 1995.

Definisi DSAI mengenai Masyarakat Madani adalah suatu masyarakat dengan, “Sistem sosial yang subur berasaskan prinsip moral yang menjamin keseimbangan antara kebebasan perseorangan dengan kestabilan masyarakat; masyarakat yang mendorong daya usaha serta inisiatif individu baik dari segi pemikiran, seni, ekonomi dan teknologi, sistem sosial yang cekap dan saksama serta pelaksanaan pemerintahan mengikut undang-undang.”

Sewaktu usrah bersama Murabbi Ummah Ustaz Dr. Razali Nawawi, Almarhum Murabbi Ummah Dr. Siddiq Fadhil dan sejumlah yang lainnya, kami di dedahkan dengan idea-idea masyarakat madani.

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa gelombang kebangkitan dan kesedaran Islam tahun-tahun 1970-an, berjaya meletakkan Islam sebagai cara hidup mencakup segenap dimensi. Ia telah digerakkan oleh DSAI dan sahabat-sahabat seangkatannya termasuklah Ustaz Fadhil Noor, Ustaz Razali Nawawi dan Ustaz Siddiq Fadhil. Ini termasuklah kesedaran pemakaian tudung di kalangan wanita Muslim.

Buat rakyat Malaysia keseluruhannya Masyarakat Madani mengajak kepada semangat inklusif, universal, tiada perkauman sempit, pembelaan mereka yang miskin dan tertinggal, perjuangan menegakkan kebenaran dan keadilan serta penghayatan nilai-nilai murni. Dialog antara agama, kaum serta peradaban disemarakkan dalam masyarakat majmuk Malaysia.

Penulisan, pengembangan dan pelan tindakan berdasarkan idealisme Masyarakat Madani ini sewajarnya dikembangkan oleh semua pihak. Dalam tahun-tahun 1980-an ia juga diterjemahkan dengan antara lain dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa dan Bank Islam. Walaupun selepas peristiwa 2 September 1998, garapan idea Masyarakat Madani kurang mendapat perhatian. Secara peribadi, kami juga rasa terpinggill dengan mengemukakan kajian tesis Sarjana@Master di UKM, 2002, bertajuk Masyarakat Madani & Idealisme Politik dan diterbitkan pada 2004.

Di peringkat awal Gerakan Reformasi, idea Masyarakat Madani dan gagasannya ditandai dengan Deklarasi Permatang Pauh (1998). Di dalamnya terangkum persoalan mengangkat *karamah insaniah*, keadilan untuk semua, mendaulatkan kuasa rakyat melalui demokrasi, keadilan ekonomi, membenters rasuah dan salahguna kuasa, jati diri budaya dan globalisasi berteraskan kebenaran dan keadilan.

Justeru, SCRIPT-MNM adalah kepeloporan DSAI dalam menterjemahkan idea Masyarakat Madani dalam bentuk yang lebih konkrit serta polisi-polisi yang terkait.

Berlatar belakangkan senario semasa negara dan global dengan kemelut ekonomi, krisis politik, serangan pandemik COVID-19, SCRIPT meletakkan visinya *“To build a sustainable and prosperous Malaysia based on care and compassion, mutual respect, innovation, and trust, where inclusiveness and equality is embraced by the whole nation - ultimately a just Malaysian society.”*

DSAI memberikan komitmen dalam membina Malaysia yang lebih baik melalui SCRIPT-MNM dengan penegasan bahawa *“We must now*

*move beyond empty and selfish pursuits of power, the myopic prejudices of the past, and the complacent shady money politics that has taken hold of Malaysia... Through strong and truthful leadership, my government will not only lead, but walk with its citizens, facing the trials of growth and carving out a solid ethical framework for its actions."*

Sejumlah 36 Keutamaan Polisi dalam membina Malaysia Yang Lebih Baik terutamanya Pasca PRU15, termasuklah mengurangkan gaji dan perbelanjaan menteri, menghapuskan tol bagi B40, menghapuskan hutang peneroka FELDA, melupuskan hutang PTPTN bagi B40, reformasi sejumlah institusi, modernisasi sistem universiti dan pewujudan Pusat Luar Bandar bagi ekplorasi Agro Pertanian 4.0 serta ekopelancongan.

Beliau juga mengutip beberapa potongan Ayat Al-Quran dan Hadith serta sejumlah sentuhan tokoh-tokoh terkait SCRIPT termasuklah Tunku Abdul Rahman, Ungku Aziz, Ziauddin Sardar, Syed Hussein Alatas, Syed Muhammad Naquib al-Attas, Onn Jaafar, Sultan Azlan Shah, David Colamder, Gordon Brown, Shakespeare, Peter Drucker, Confucius dan Bhim Rao Ambedkar.

Justeru rakyat Malaysia, Alhamdulillah, menjunjung kasih atas KDYMM YDPA memperkenankan lantikan YAB Dato Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10 pada 24 November 2022. Juga kemudiannya, perlantikan Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan ini amat bertepatan dengan waktunya bagi negara merencanakan semula ekonomi negara, mengawal kos sara hidup, memantapkan hala tuju negara, membangun Negara Madani sekaligus melonjakkan semula imej Malaysia di peringkat antarabangsa.

Setiap anggota kabinet mempunyai kekuatan tersendiri, tegas dan mampu bertindak sebagai satu pasukan di bawah Perdana Menteri ke-10. Ia juga mampu menjanjikan suatu kerajaan yang lebih stabil, berjiwa rakyat serta mewakili pelbagai parti, agama, kaum, gender, peringkat umur dan wilayah.

Pembentukan Jemaah Menteri 2022 dan pasukan pentadbiran DSAI ini amat penting dalam mewujudkan Kerajaan Perpaduan yang stabil, inklusif dan berjiwa rakyat semurninya. Sokongan yang kuat seluruh lapisan rakyat Malaysia amat diharapkan dalam menjayakan hasrat murni ini, inshaa Allah.

Rakyat seluruhnya berkeyakinan DSAI dan pasukannya mampu berperanan secara kolektif dalam arus negara di saat Malaysia dilanda

pelbagai kemelut – politik, ekonomi, kesihatan dan seumpamanya. Dengan agenda reformasi, mampu membawa Malaysia ke era baharu yang lebih baik.

Bersama DSAI juga mampu dibangunkan Negara Madani Malaysia dengan teras rukunnya kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan sekali gus menjadi pemersatu dalam melakar persefahaman baharu politik Malaysia.

Sesungguhnya dengan izin Allah, usaha yang berterusan dan kesabaran akan memungkinan pembaharuan-islah bersejarah ini berlaku.

Semoga kejayaan bersama DSAI selaku PM10, kepimpinan & pentadbiran negara dan seluruh rakyat Malaysia, in shaa Allah.

ii



Tulisan ini membuat penelitian terhadap pemikiran politik yang terungkap atas nama Masyarakat Madani. Pemahaman tentang Masyarakat Madani terlebih dahulu dinilai dari sudut idealisme politik dengan menilai pengaruh agama dan nilai terhadap falsafah ideologi, gelombang dan aliran utama ideologi falsafah politik dalam tamadun manusia. Perbincangan selanjutnya menelusuri perkembangan dan model bagi Masyarakat Sivil dan Masyarakat Madani serta perbandingan antara kedua-duanya.

Kajian ini kemudiannya mengaplikasikan beberapa pemahaman Masyarakat Madani dalam konteks pengalaman politik Malaysia. Ia bermula dengan melihat susur-galur kewujudan parti politik di Malaysia, susur-galur Masyarakat Madani sebagai idealisme politik di Malaysia, realiti penghayatannya, dan sikap parti politik Malaysia terhadapnya. Sentuhan yang agak mendalam juga dibuat dalam konteks perspektif Masyarakat Madani terhadap penggunaan ISA, proses globalisasi dan beberapa persoalan semasa. Kajian kemudiannya menggariskan cabaran-cabaran utama dalam merealisasikan serta langkah-langkah merealisasikan Masyarakat Madani.

Ada dua aspek utama dalam tulisan ini yang cuba dibina iaitu pembinaan model Masyarakat Madani. Pengenalan kepada teori atau pendekatan nilai dalam konteks politik dan masyarakat Malaysia serta membangun Malaysia Madani. Hasil dari kajian secara keseluruhannya juga mendapati masa depan Masyarakat Madani juga dalam beberapa keadaan akan juga bergantung kepada kecenderungan masyarakat terhadap nilai-nilai murni. Idealisme Masyarakat Madani yang mempunyai sudut cakupan dan dimensi yang lebih luas berbanding dengan Masyarakat Sivil, namun ia saling melengkapi (*complimentary*). Sesungguhnya mampu dikembangkan dan dihayati seutuhnya sama ada di Malaysia, serantau dan seantero dunia dengan syarat adanya tekad politik dan tekad budaya daripada semua pihak. Tekad budaya ini termasuklah budaya ilmunya, budaya hidup sederhana, budaya tertib dan berdisipln, budaya pemikiran kritikal, budaya penyayang, budaya *amar makruf nahi mungkar*, budaya akhlak dan moral yang tinggi, budaya kepimpinan yang adil dan amanah, serta budaya mandiri.

Perbincangan menjana Masyarakat Madani kembali mendapat perhatian terutama setelah peluncuran buku **SCRIPT** dan **Membangun Negara Madani**, oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ia disemarakkan lagi dengan pelancaran slogan **MALAYSIA MADANI** pada 19 Januari 2023 oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Dalam kesempatan ini ingin dirakamkan jutaan terima kasih kepada beberapa orang sarjana semoga penyelidikan awal buku ini ditulis pada awal tahun 2000 di Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu YBhg Almarhum Tuan Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, Penyelia Projek Penulisan Sarjana dan Dr. Ahmad Nidzam Sulaiman (Ketua Program Sains Politik UKM). Sudah pasti dalam kesempatan yang sama rakaman ribuan terima kasih kepada semua pensyarah Program Sains Politik terutama yang pernah memberikan tunjuk ajar di dalam kuliahnya pada ketika itu, iaitu Prof. Dr. P. Ramasamy, Prof. Madya Dr. Mohd Agus Yusuf, Dr. Rashila Ramli, Dr. Ali Kamaruddin (Allahyarham), Prof. Madya Saliha Hassan, Prof. Madya Ghazali Mayudin, dan Dr. Carolina Lopez. Tidak dilupakan Dr. Zaini Othman (penyelaras projek sarjana) dan pensyarah-pensyarah, kakitangan program dan pusat, serta rakan-rakan sekuliah dan teman-teman seperjuangan yang banyak memberi inspirasi.

Rakaman penghargaan ini juga diperpanjangkan kepada tokoh-tokoh yang mempunyai kesempatan dan telah sudi meluangkan masa bagi temubual iaitu, Dr. Chandra Muzaffar, YB Teng Chang Khim, Dr. Syed Husin Ali, Dr. Muhammad Nur Manuty, Tuan Khalid Jaafar, Dr. Lee Boon Chye, Ir. M. Muthiah serta Prof. Dr. Roosfa Hashim dan pasukannya di IIUM Press, serta Dr. Baharuddin Ali Masrom.

Sesungguhnya rakaman penghargaan yang tidak terhingga buat Ayahanda (Allahyarham) Haji Ayub Haji Zainal Abidin, Bonda (Allahyarhamah) Hajjah Jamaayah Haji Md Amin, dan Wan, Cho dan adik-adik, isteri tersayang, Rusiah Abd Samad dan anakanda Afifah dan Aliya atas dorongan, kefahaman dan doa.

Dengan Allah SWT kuberserah,  
Dengan Rasullulah SAW kucontohi,  
Dengan Ayahanda dan Bonda kupohonkan doamu,  
Dengan guru sepengajian kupohon bimbingan,  
Dengan rakan seperjuangan kupadukan pasukan,  
Dengan keluarga tersayang kupinta dorongan.

Semoga usaha kecil ini memberikan manfaat kepada agama, bangsa, negara dan perjuangan ummah serta mendapat keredhaan Allah SWT.

**MUSTAFFA KAMIL AYUB**

Kota Damansara, Selangor Darul Ehsari

Jumaat, 19 Rejab 1444H

10 Februari 2023M

## KATA PENGANTAR

Kita perlu melihat kepada kenyataan global pada hari ini. Dalam dunia yang serba tidak menentu, ditandai dengan kerumitan, percanggahan, kekacauan dan keserentakan, suatu kerangka strategik yang komprehensif harus dibangunkan untuk mengemudi negara menempuh zaman yang ditakrifkan sebagai pascanormal – *indeed, these are postnormal times.*

Perubahan segera dan menyeluruh mesti dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. “Malaysia Madani” memberi penekanan kepada jaminan bahawa tiada komuniti akan terpinggir, termasuk parti-parti di Sabah dan Sarawak, negeri-negeri di mana populasinya bukan majoriti Melayu.

Konsep Madani dirangka sebagai ikhtiar untuk memetakan strategi bagi mentadbir negara dengan berkesan dirangkul peradaban yang dicita-citakan. Idealisme ini perlu diterjemahkan dalam tatakelola yang baik, adil dan saksama.

Pentadbiran Kerajaan Perpaduan akan berusaha memelihara rakyat daripada kancah perkauman, serta meletakkan noktah terhadap usaha pihak yang menggunakan politik identiti untuk memecah-belahkan masyarakat, termasuk penyalahgunaan sentimen agama oleh sesetengah pihak.

Kita tidak akan hanya menggunakan pertumbuhan ekonomi semata-mata, sebaliknya dilihat dari konteks yang lebih luas – ekonomi manusiawi. Sudah tiba masanya untuk menamatkan salah ukur kemajuan manusia dengan pertumbuhan ekonomi semata-mata. Kadar pengangguran juga tidak boleh dilihat dari segi perangkaan sahaja kerana ia tidak menggambarkan kesengsaraan dan penderitaan

sebenarnya kemiskinan yang dialami oleh rakyat atau mereka yang terjejas.

Justeru, pertumbuhan dan pengembangan perlu dicapai dalam konteks yang lebih luas, yakni ekonomi manusiawi – yang mengutamakan keperluan rakyat, khususnya, yang miskin dan terpinggir, yang membebaskan mereka daripada cengkaman kemiskinan dalam sistem kapitalisme yang tidak terkawal – *unbridled capitalism* – yang membiak ketidaksamaan kekayaan dan ketidaksamaan taraf hidup.

Ini termasuk pendapatan yang mencukupi, pendidikan berkualiti dan latihan yang berkesan, perumahan yang selés, pemakanan yang mencukupi, penjagaan kesihatan, keselamatan dan keamanan.

Perjuangan Reformasi selama lebih dua dekad menjadi teladan untuk kita membina sebuah Masyarakat Madani yang bersifat ihsan, peduli dan merasai keperluan orang miskin. Membela kebajikan bermula dengan kadar upah yang bermaruah, setimpal dan adil.

Dalam melaksanakan keadilan sosial, penstrukturan semula ekonomi perlu berasaskan etika yang mampan. Kita mahu mengelakkan pembaziran dan kemewahan, membasmi ketirisan dan rasuah, menyegerakan bantuan dan prasarana rakyat, pemerataan kekayaan secara saksama.

Soal penentangan rasuah sudah berulang kali dibangkit dan dirumus. Cukup sekadar saya mengulangi bahawa langkah-langkah berkesan terhadap rasuah mesti merangkumi pembaharuan masyarakat dan undang-undang yang menyeluruh. *There must be a political will to wage war on this* (harus ada kekuatan politik untuk memerangnya).

Sudah tentulah buku ini merupakan sumbangan yang cukup bermakna dalam memperbanyakkan khazanah ilmu tentang Masyarakat Madani. Penjelasan tentang idealisme politik Madani ini memerlukan pemahaman yang mendalam tentang keperluan melakukan perubahan dan ikhtiar membina peradaban untuk semua.

**ANWAR IBRAHIM, Y.A.B DATO' SERI**

Perdana Menteri Malaysia Ke-10

Buat  
pejuang  
*kebenaran*  
dan  
*keadilan*





# BAB 1

## MUQADDIMAH:

### KONSEP MALAYSIA MADANI

YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah memperkenalkan konsep **MALAYSIA MADANI** ketika melancarkan buku *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi* pada 19 Januari 2023 di PICC, Putrajaya.

Berdasarkan kenyataan daripada YAB Perdana Menteri, **MALAYSIA MADANI** yang diterjemah daripada buku asalnya *SCRIPT For Better Malaysia – An Empowering Vision and Policy Framework for Action* (2023) dikarang hasil daripada pengalaman beliau selama lebih empat dekad di dalam bidang perkhidmatan awam, mengepalai beberapa kementerian dalam kerajaan, menerajui beberapa badan antarabangsa, serta menjadi pendidik di beberapa universiti berprestij dunia.

Menurut beliau, negara dan peradaban yang kita cita-citakan dan ingin dibangunkan haruslah berteraskan **MADANI** – mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati, punyai keyakinan dan bersifat ihsan. Beliau turut menyebut bahawa istilah Madani merujuk kepada tatakelola yang adil dan berkesan.

Ia dirangka sebagai ikhtiar untuk memetakan strategi tatakelola dan pentadbiran negara secara berkesan, menekankan kepada pemeraksanaan ekonomi dan budaya, yang berteraskan nilai adab atau akhlak, dan sifat ihsan atau prihatin dengan nasib rakyat.

Sebenarnya perkataan Madani begitu sinonim dengan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim. Malahan istilah Madani yang sememangnya

sudah sekian lama dipopularkan dan diungkap beliau sejak tahun 1996 melalui buku ***Gelombang Kebangkitan Asia. MALAYSIA MADANI*** yang dipelopori oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim memberi keutamaan kepada kemampanan, kesejahteraan, inovasi dan keyakinan dalam kerangka ekonomi manusiawi.


Sejak 26 tahun dahulu lagi, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim sudah mencetuskan idea **MASYARAKAT MADANI**. Beliau menegaskan bahawa:

*“Masyarakat Madani yang kita bayangkan diasaskan di atas prinsip akhlak dan pemerintahan berasaskan hukum, bukan oleh nafsu manusia yang tidak menentu. Masyarakat di mana pertumbuhan institusi kemasyarakatan – lembaga yang menjadi pengantara antara keluarga dan negara – dipupuk dan bukannya dicantas, di mana kecemerlangan serta cita rasa harus pula menggantikan ‘kelaihan dan kepicians’. Justeru itu, kita perlu menghidupkan semangat kebebasan, menyuburkan kemerdekaan diri, mengembalikan nilai kepermanusiaan dan menyegarkan sikap berlapang dada. Lantaran itu, prinsip musyawarah dan demokrasi didukung, ia tidak pula disogokkan dan dipaksakan, terutama menurut acuan dan pengalaman Barat.”*

(Anwar Ibrahim, 1997).

Ia berbeza sama sekali dengan “Madani versi John Locke” dalam *An Essay Concerning the True Original, Extent and End of Civil Government* dalam buku beliau yang berjudul ***Two Treatises of Government*** yang diterbitkan pada 1689. John Locke sendiri tidak mengenal istilah **MADANI**. Istilah Madani digunakan oleh Khairul Anam Che Mentri, Edward Dass dan Wan Mohd Faqqerrurrazzi Firdaus Mohd Isa ketika menterjemahkan istilah “Civil Government” ke dalam Bahasa Melayu.

Istilah “Civil Government” sepatutnya hanya diterjemahkan sebagai “Kerajaan Sivil”, bukan Kerajaan Madani. Ini kerana “Civil Government” idea John Locke, yang digelar sebagai Bapa Liberalisme itu, hanyalah bertujuan membentuk negara yang menjamin hak-hak asasi warga, terutama hak warga atas harta miliknya, menjamin kebebasan mereka daripada diancam bahaya perang dengan cara bersatu dalam sebuah negara.



Kerangka visi dan kerja serta pelancaran Malaysia MADANI 19 Jan 2023, melengkapkan fasa awal dalam merealisasikan Madani Malaysia.

Istilah **MADANI** yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim pula berakar daripada **Piagam Madinah** – yang antara lain mencatatkan kaedah untuk:

- a. Menyatukan masyarakat pelbagai kaum
- b. Mewujudkan perdamaian dan melenyapkan permusuhan
- c. Mewujudkan keamanan di Madinah
- d. Menentukan hak-hak dan kewajipan pemimpin dan penduduk setempat
- e. Memberikan garis panduan pemulihan kehidupan kaum Muhajirin
- f. Membentuk Kesatuan Politik dalam mempertahankan Madinah
- g. Merangka persefahaman dengan penduduk bukan Islam, termasuk dengan orang Yahudi.

Intipatinya ialah perpaduan dan perdamaian, pemerintahan yang adil dan saksama, sebagai pra-syarat kepada pembangunan sebuah negara yang sejahtera – *baladun tayyibatun warabbun ghafur*. Menurut Almarhum Prof. Dato' Dr. Siddiq Fadhil, tafsiran “keadilan” itu adalah:

*“... kata yang sarat dan padat dengan nilai dan makna yang meliputi amal melaksanakan segala yang difardhukan dalam aqidah dan syari'ah, menunaikan Amanah, meninggalkan kezaliman, memberikan hak kepada yang berhak dan melakukan kesaksamaan.”*

Kebijaksanaan YAB Perdana Menteri menterjemahkan istilah **MADANI** adalah berdasarkan keadaan semasa negara dan dunia global telah menghasilkan asas konsep **MALAYSIA MADANI** yang berteraskan kepada Kemampunan (*Sustainability*), Kesejahteraan (*Prosperity*), Daya Cipta (*Innovation*), Hormat (*Respect*), Keyakinan (*Trust*) dan Ihsan (*Care and Compassion*).

Ketika negara dipacu untuk maju dan kadang kala tercemar kerana salah laku, keruntuhan nilai adab atau akhlak, rasuah dan penyelewengan, serta sikap sambil lewa terhadap alam sekitar akibat kerakusan manusia mengejar kebendaan, YAB Dato' Seri Anwar

Ibrahim cuba menyuntik kesedaran di kalangan semua pihak untuk menghidupkan semula kekuatan leluhur negara-bangsa dengan nilai murni dan jati diri yang harus dikembalikan semula ke persada nusa – menjadi amalan kita semua.



DS Anwar Ibrahim tokoh yang banyak mempopularkan gagasan Masyarakat Madani bermula dalam ucapan di festival Istiqlal Jakarta 1995

Beliau berusaha untuk mengangkat semula martabat manusia (*karamah insaniah*) dan menegakkan keadilan (*justice*) yang menjadi asas penting dalam konteks konsep **MALAYSIA MADANI**. Konsep **MADANI** ini juga meletakkan Islam pada kedudukan yang sangat istimewa kepada manusia sejagat, kerana Islam bukan sekadar ritual atau upacara, tetapi adalah cara hidup atau *the way of life* yang mengambilkira ketinggian IQ (*Intellectual Quotient*), EQ (*Emotional Quotient*), SQ (*Spiritual Quotient*) dan PQ (*Physical Quotient*).

Menurut **Prof. Datuk Dr. Ismail Sualman (UiTM)**, antara konsep penting dalam **MASYARAKAT MADANI** adalah berlakunya keseimbangan dan pembangunan **Mampan (Sustainability)** atau “pembangunan lestari”. Kemampanan dan keseimbangan ini memberi

# Idealisme Politik Membangun Malaysia Madani

Visi, Cabaran dan Pelan Strategik

Tulisan ini membuat penelitian terhadap pemikiran politik yang terungkap atas nama Masyarakat Madani. Pemahaman tentang Masyarakat Madani terlebih dahulu dinilai dari sudut idealisme politik dengan menilai pengaruh agama dan nilai terhadap falsafah ideologi, gelombang dan aliran utama ideologi falsafah politik dalam tamadun manusia. Perbincangan selanjutnya menelusuri perkembangan dan model bagi Masyarakat Sivil dan Masyarakat Madani serta perbandingan antara kedua-duanya.

Kajian ini kemudiannya mengaplikasikan beberapa pemahaman Masyarakat Madani dalam konteks pengalaman politik Malaysia. Ia bermula dengan melihat susur-galur kewujudan parti politik di Malaysia, susur-galur Masyarakat Madani sebagai idealisme politik di Malaysia, realiti penghayatannya, dan sikap parti politik Malaysia terhadapnya. Sentuhan yang agak mendalam juga dibuat dalam konteks perspektif Masyarakat Madani terhadap penggunaan ISA, proses globalisasi dan beberapa persoalan semasa. Kajian kemudiannya menggariskan cabaran-cabaran utama dalam merealisasikan serta langkah-langkah merealisasikan Masyarakat Madani.

ISBN 978-967-491-330-4



9 789674 913304

**IUM Press**

- ☎ (603) 6421 5014 / 5018
- ☎ (603) 6421 6298
- ✉ [iiumbookshop@iium.edu.my](mailto:iiumbookshop@iium.edu.my)
- 🌐 [www.bookshop.iium.edu.my](http://www.bookshop.iium.edu.my)
- 📘 [www.facebook.com/iiumpress](https://www.facebook.com/iiumpress)
- 📷 [www.instagram.com/iium\\_press](https://www.instagram.com/iium_press)
- 🐦 <https://twitter.com/PressIium>



**IUM  
Press**